

Soalan No:33

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI [KUDAT]

TARIKH : 29.11.2017

SOALAN :

Datuk Abd Rahim Bin Bakri [Kudat] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan bilakah kerja-kerja pembinaan bangunan kekal SMK Bongkol dan SK Pekan Pitas dapat dimulakan dan apakah masalah yang dihadapi yang mengakibatkan kelewatan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ingin memaklumkan bahawa kerja awalan pembinaan SMK Bongkol telah dimulakan oleh kontraktor projek sebaik sahaja Surat Kebenaran Masuk Tapak dikeluarkan oleh Jabatan Tanah dan Ukur Sabah pada 6 September 2017. Manakala, projek pembinaan SK Pekan Pitas sedang dalam proses memuktamadkan reka bentuk. Projek ini dijangka bermula pada Oktober 2018 setelah kelulusan Pelan Pembangunan diperolehi daripada pihak berkuasa tempatan.

RJM91